

23 JUL 1998

Mahathir-dialog

CEO SYARIKAT SOKONG PENUH USAHA KERAJAAN PULIH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Para eksekutif kanan syarikat-syarikat perdagangan Malaysia hari ini memberi sokongan penuh mereka kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

Mereka menyuarakan sokongan penuh terhadap usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan itu semasa menghadiri majlis dialog dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Antara langkah yang telah diambil termasuk menggunakan pelabuhan sendiri bagi mengeksport barangan dan pewujudan sebuah rumah penyelesaian bagi perdagangan antara negara-negara oleh Bank Negara.

Dr Mahathir berkata lebih 100 ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat yang terlibat dalam perdagangan dan eksport yang menghadiri pertemuan dua jam itu memberikan "sokongan yang amat baik".

"Nampak bagus sambutan. Mereka membangkitkan soalan yang menunjukkan minat mereka untuk mengikut rancangan kerajaan," kata Perdana Menteri kepada pemberita kemudiannya.

Majlis dialog itu diadakan sempena dengan pengumuman rancangan pemulihan ekonomi oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Juga hadir dalam dialog itu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir berkata beliau menerangkan kepada mereka langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan lebih luas pelabuhan di Malaysia dan faedah yang akan diperolehi terutamanya dalam memaksimumkan perdagangan dalam negara ini.

Beliau berkata ketua-ketua pegawai eksekutif berkenaan menyambut baik gesaan kerajaan supaya mereka menggunakan Pelabuhan Klang, pelabuhan utama negara.

Bagaimanapun, syarikat-syarikat terlibat memerlukan masa untuk menggunakan Pelabuhan Klang dan pelabuhan lain kerana perlu membuat beberapa perubahan.

Dr Mahathir berkata jika perlu, kerajaan akan menggubal undang-undang bagi memaksa para pengeksport menggunakan pelabuhan dalam negeri, terutama Pelabuhan Klang daripada bergantung kepada pelabuhan negara asing.

"Pada masa ini, kita belum lagi mulakan proses itu," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kerajaan mungkin menimbang untuk mewajibkan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan import-eksport menggunakan Pelabuhan Klang.

Mengenai rumah penyelesaian, Dr Mahathir berkata Bank Negara telah menyediakan satu format bagi penubuhannya dan butiran mengenainya akan diumumkan oleh bank pusat itu kemudian.

Antara lain, agensi penyelesaian itu akan merekodkan urusan import dan eksport yang dijalankan di negara ini.

Mengenai MTEN, Perdana Menteri berkata kerajaan akan melaksanakan segala perakuan yang dikemukakan oleh MTEN sepenuhnya melainkan jika terdapat bantahan tertentu dan sesetengah daripadanya telahpun dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata kadar faedah bank yang digunakan di negara ini telah dikurangkan.

Katanya kadar tersebut tinggi bukan disebabkan kadar pinjaman asas yang lebih tinggi tetapi mengikut julat yang kadang kala mencecah empat peratus walaupun ia sepatutnya berada di sekitar 0.5 peratus.

Bank-bank perlu mempunyai julat yang lebih tinggi untuk mengurangkan risiko dan sesetengahnya mempunyai kos tambahan kerana deposit yang berkurangan dan untuk meminjam daripada pasaran interbank, katanya.

Mengenai keperluan Rizab Berkanun oleh institusi-institusi kewangan, beliau berkata kerajaan berjaya mengurangkan kos kewangan terhadap bank-bank dan ini membolehkan mereka mengurangkan julat mereka dan seterusnya mengurangkan kadar faedah efektif.

--BERNAMA

tm oba